



KPM.600-4/1/1 JLD 5 (86)
8 Oktober 2021

Pengurus Hal Ehwal Korporat
The One Academy
Block B4, Leisure Commerce Square
No 9 Jalan PJS 8/9
46150 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM MALAYSIA TOP 10 OUTSTANDING YOUNG ARTISTS AWARDS 2021 SECARA DALAM TALIAN ANJURAN THE ONE ACADEMY

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak tuan adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak The One Academy kerana memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Program Malaysia Top 10 Outstanding Young Artists Awards 2021 Secara Dalam Talian Anjuran The One Academy** yang telah berlangsung pada 17 Mei hingga 28 Ogos 2021.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan markah kokurikulum yang diberikan adalah markah **Penyertaan Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan **Penglibatan dan Pencapaian** dalam **Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)**. Bagi tujuan pemarkahan, boleh dirujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

4. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Pn. Maizatul Fariza binti Mansor di talian 03-88721649 atau e-mel maizatulfariza.mansor@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ZULKIFLI BIN NORDIN)

b.p Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
mfm/Pengiktirafan2021/E

**PROGRAM MALAYSIA TOP 10 OUTSTANDING YOUNG ARTISTS AWARDS 2021 SECARA
DALAM TALIAN ANJURAN THE ONE ACADEMY TAHUN 2021**

KPM.600-4/1/1 Jld. 5 (86)

8 Oktober 2021

**PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN
KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Penglibatan murid dalam aktiviti seperti: - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PELIBATAN III	Penglibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	N.Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT					
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4

Catatan:

1. Kedudukan tempat keempat dan kelima terpakai bagi kategori individu sahaja bagi aktiviti sukan.
2. Untuk semua pertandingan peringkat kebangsaan perlu mengikut jadual pemarkahan yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, pemarkahan peringkat antarabangsa, pengiktirafan perlu merujuk kepada BSKK.
3. **Anugerah Emas, Perak, Gangsa dan lain-lain** yang diberikan di dalam program/pertandingan seperti program **STEM** dan **SENI** adalah tahap penguasaan murid dan **TIDAK DIKIRA** dalam pemarkahan bagi tahap pencapaian.